

JABATAN PENDAFTAR • DEPARTMENT OF REGISTRAR

Rujukan:UKM(T).PDF.100-1/3/1JLD.4

Tarikh : 30 Jun 2026

PEKELILING JABATAN PENDAFTAR BIL. 12/2026

**SEMUA WARGA
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

YBhg. Prof. Ulung/Prof./Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

POLISI KEMUDAHAN PERUBATAN PESAKIT LUAR UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas dan Pekeliling Jabatan Pendaftar Bil. 26/2024 mengenai Pemakaian Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1/2024: Pelaksanaan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) - Kemudahan Perubatan yang telah diedarkan kepada warga universiti pada 29 November 2024 adalah dirujuk.

2. Sehubungan dengan itu, dimaklumkan bahawa Mesyuarat Pengurusan Universiti Bil. 10/2026 bertarikh 26 Jun 2026 telah meluluskan pemakaian Polisi Kemudahan Perubatan Pesakit Luar Universiti Kebangsaan Malaysia. Objektif utama pemakaian polisi ini adalah untuk menerangkan panduan mengenai kemudahan rawatan perubatan pesakit luar kepada staf dan tanggungan yang layak di Universiti Kebangsaan Malaysia.


3. Bersama-sama ini, dilampirkan Polisi Kemudahan Perubatan Pesakit Luar Universiti Kebangsaan Malaysia untuk perhatian dan rujukan pihak YBhg. Prof. Ulung/Prof./Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan.

4. Pemakaian pekeliling ini adalah terpakai kepada semua warga UKM dan turut dipanjangkan kepada Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM) dan Hospital Tunku Ampuan Besar Tuanku Aishah Rohani (Hospital TABTAR). Walau bagaimanapun, pelaksanaan urusan Klinik Panel dan tuntutan alat bantuan optik di HCTM hendaklah dibaca bersama melalui pekeliling ini dengan pekeliling berikut:

- a) Pekeliling Jabatan Pendaftar Bil. 9/2025 - Pemakaian Polisi Kemudahan Klinik Panel Universiti Kebangsaan Malaysia; dan
- b) Pekeliling Jabatan Pendaftar Bil. 5/2024 mengenai Tuntutan Alat Bantuan Optik Universiti Kebangsaan Malaysia

5. Oleh yang demikian, dengan berkuat kuasanya pemakaian pekeliling ini, maka pekeliling pada perenggan 4 (a) dan (b) adalah dibatalkan kepada semua warga UKM dan Hospital TABTAR kecuali di HCTM.


...2/-



6. Sebarang pertanyaan lanjut, pihak YBhg. Prof. Ulung/Prof./Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan boleh menghubungi:

BIL	NAMA/JAWATAN/JABATAN	ALAMAT E-MEL	NO.TELEFON
KAMPUS BANGI			
1.	Encik Mohd Azmi Mahat @ Kasim Ketua Bahagian Pentadbiran dan Kemudahan Jabatan Pendaftar	kbpk@ukm.edu.my	03-8921 5075
2.	Cik Farizan Nur'Izzati Mohamed Khatib Penolong Pendaftar Bahagian Pentadbiran dan Kemudahan Jabatan Pendaftar	farizankhatib@ukm.edu.my adminklinikpanel@ukm.edu.my	03-8921 3871
HOSPITAL CANSELOR TUANKU MUHRIZ			
1.	Cik Siti Nur Shuhada Abdul Hamid Ketua Unit Kemudahan Kakitangan Jabatan Pengurusan Fasiliti Bersepadu HCTM	shuhada@hctm.ukm.edu.my	03-9145 5102
2.	Puan Norazalina Abdullah Pembantu Tadbir Unit Kemudahan Kakitangan Jabatan Pengurusan Fasiliti Bersepadu HCTM	norazalina.abdullah@hctm.ukm.edu.my	03-9145 5105
HOSPITAL TUNKU AMPUAN BESAR TUANKU AISHAH ROHANI HOSPITAL PAKAR KANAK-KANAK UKM			
1.	Encik Mohd Hadziq Mohd Zafari Penolong Pendaftar Kanan Jabatan Pentadbiran Am Hospital TABTAR	hadziq.zafari@hctm.ukm.edu.my	03-9174 8648
2.	Puan Nurul Fazrenny Abd Rasit Penolong Pegawai Tadbir Jabatan Pentadbiran Am Hospital TABTAR	fazrenny@hctm.ukm.edu.my	03-9174 8014

...3/-



PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Telefon: +603-8921 4888 E-mel: pdfar@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pendaftar>

IMAN ILMU AMAL

www.ukm.my

Sekian, terima kasih.

"IMAN ILMU AMAL"

Yang benar,



HAJI ZANUDIN MOHD DAUD

Pendaftar

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan-Timbalan Naib Canselor
 - Bendahari
 - Ketua Pustakawan
 - Penasihat Undang-Undang
 - Pengarah, Hospital Canselor Tuanku Muhriz
 - Pengarah, Hospital Tunku Ampuan Besar Tuanku Aishah Rohani
 - Hospital Pakar Kanak-kanak UKM

-3-



PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Telefon: +603-8921 4888 E-mel: pdfar@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pendaftar>

IMAN ILMU AMAL

www.ukm.my

POLISI KEMUDAHAN PERUBATAN PESAKIT LUAR UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

1.0 TUJUAN

Polisi ini bertujuan memberikan panduan mengenai kemudahan rawatan perubatan pesakit luar kepada staf dan tanggungan yang layak diterima. Pelaksanaan kemudahan ini adalah tertakluk kepada pekeliling dan peraturan semasa yang berkuat kuasa berdasarkan kelulusan pihak Pengurusan Tertinggi Universiti.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1. Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Bil.3/2013 bertarikh 25 September 2013 telah bersetuju meluluskan permohonan peningkatan kadar tuntutan rawatan pergigian sehingga RM250.00 setahun bagi seorang staf dan tanggungan serta RM500.00 bagi pasangan suami isteri berkhidmat di UKM termasuk tanggungan.
- 2.2. Mesyuarat Pengurusan Universiti (MPU) Bil.4/2024 pada 19 Mac 2024 telah meluluskan Tuntutan Alat Bantuan Optik yang diberikan kepada staf Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang layak di Kampus Bangi, Kampus Kuala Lumpur, Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM) dan Hospital Tunku Ampuan Besar Tuanku Aishah Rohani Hospital Pakar Kanak-Kanak (Hospital TABTAR HPKK);
- 2.3. MPU Bil. 12/2024 bertarikh 20 Ogos 2024 telah meluluskan kadar baharu Klinik Panel iaitu RM60.00 bagi setiap rawatan terhad kepada 10 kali setahun berkuat kuasa 1 Januari 2025 dan meluluskan kemudahan Farmasi RM40.00 terhad kepada 4 kali setahun bagi staf sahaja tidak termasuk tanggungan;
- 2.4. MPU Bil. 5/2025 bertarikh 8 Mei 2025 telah meluluskan pemakaian Polisi Kemudahan Klinik Panel Universiti Kebangsaan Malaysia; dan
- 2.5. Perbincangan khas bersama Persatuan/ Kesatuan UKM berkenaan pelaksanaan TPA bagi kemudahan klinik panel UKM bertarikh 9 Februari 2026 telah bersetuju mencadangkan kadar klinik panel sebanyak RM600.00/setahun tidak terhad kepada 10 kali rawatan untuk staf dan setiap tanggungan serta kadar kemudahan Farmasi sebanyak RM160.00/setahun tidak terhad kepada RM40.00/pembelian sebanyak 4 kali setahun bagi staf sahaja.
- 2.6. Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pembangunan Aplikasi UKM (JTPA) Bil.2/2026 bertarikh 16 April 2026 telah menilai dan bersetuju meluluskan permohonan Sistem TPA Kemudahan Klinik Panel, Farmasi, Pergigian dan Optik UKM.

- 2.7. Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bil. 3/2026 bertarikh 19 Mei 2026 telah bersetuju meluluskan perkhidmatan Third Party Administrator (TPA) bagi mengurus kemudahan perubatan kakitangan dan tanggungan bagi tempoh dua (2) tahun untuk UKM.
- 2.8. MPU Bil. 10/2026 bertarikh 26 Jun 2026 bersetuju meluluskan kadar klinik panel sebanyak RM600.00/setahun untuk staf dan setiap tanggungan serta kadar kemudahan pembelian ubat am di farmasi sebanyak RM160.00/setahun bagi staf sahaja.

3.0 TAFSIRAN

- 3.1 **Staf** bermaksud kakitangan yang dilantik secara tetap, sementara atau kontrak (*contract of service*).
- 3.2 **Tanggungan staf** bermaksud suami bagi staf wanita dan isteri/ isteri-isteri kepada staf lelaki serta anak yang didaftarkan dalam Sistem ProfilStaf UKM.
- 3.3 **Anak** bermaksud anak kandung atau anak tiri atau anak angkat yang sah daripada segi undang-undang.

3.3.1 Had Kelayakan

- a) Berumur di bawah 18 tahun; atau
 - b) Masih bersekolah, sehingga berumur 21 tahun; atau
 - c) Sedang menuntut pengajian sehingga peringkat Ijazah Pertama, layak mendapatkan kemudahan sehingga mencapai umur 26 tahun dan belum berkahwin;
 - d) Bagi anak kurang upaya, had umur di atas tidak terpakai.
- 3.4 **Anak kurang upaya** bermaksud anak yang mengalami kelemahan otak atau kelemahan jasmani secara kekal dan tidak berupaya untuk menanggung dirinya sendiri dengan syarat:
 - a) ketidakupayaan anak itu dialami sebelum mencapai usia 21 tahun
 - b) perlu mendapatkan pengesahan daripada mana-mana pakar perubatan Kerajaan yang berkaitan masalah/ kecacatan yang dihadapi di mana-mana hospital/ klinik kesihatan Kerajaan.

- 3.5 **Fasiliti Panel** merujuk kepada rangkaian penyedia perkhidmatan yang telah dilantik secara rasmi oleh Pentadbir Pihak Ketiga (TPA) bagi tujuan memberikan kemudahan rawatan dan pembelian peralatan kesihatan kepada staf dan tanggungan yang layak.
- 3.6 **Pentadbir Pihak Ketiga (TPA)** bermaksud organisasi yang dilantik oleh universiti untuk menguruskan kemudahan perubatan pesakit luar merangkumi rawatan klinik, rawatan pergigian, pembelian alat bantuan optik dan pembelian ubat am di farmasi.
- 3.7 **Rawatan Pesakit Luar (*outpatient*)** bermaksud sebarang perawatan, perundingan atau prosedur perubatan yang tidak memerlukan kemasukan ke wad.
- 3.8 **Ubat Am (*Over-The-Counter*)** bermaksud ubat yang boleh dibeli terus daripada kaunter farmasi tanpa perlu rundingan doktor atau merujuk kepada ahli farmasi.
- 3.9 **Universiti** bermaksud Universiti Kebangsaan Malaysia merangkumi Kampus Bangi, Kampus Kuala Lumpur, Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM) dan Hospital Tunku Ampuan Besar Tuanku Aishah Rohani Hospital Pakar Kanak-Kanak (Hospital TABTAR HPKK).

4.0 SKOP

- 4.1 Pelaksanaan polisi ini berkuatkuasa bermula 1 Julai 2026. Sebarang perubahan tempoh pelaksanaan akan dimaklumkan daripada semasa ke semasa;
- 4.2 Polisi ini terbahagi kepada empat (4) bahagian iaitu:
- 4.3.1 Kemudahan Rawatan Klinik
 - 4.3.2 Kemudahan Pembelian Alat Bantuan Optik
 - 4.3.3 Kemudahan Rawatan Pergigian
 - 4.3.4 Kemudahan Pembelian Ubat Am di Farmasi

5.0 KEMUDAHAN PERUBATAN

5.1 RAWATAN KLINIK

5.1.1 Kelayakan

a) Kelayakan staf dan tanggungan adalah seperti berikut:

Bil.	Status Lantikan	Kelayakan	
		Diri Sendiri	Tanggungan
1	Staf berstatus tetap, sementara, kontrak (<i>contract of service</i>)	Layak	Layak
2	Staf Cuti Belajar/ Sabatikal/ Pasca Doktorat	Layak	Layak
3	Staf dipinjamkan ke agensi luar atau staf pinjaman dari agensi luar (warganegara Malaysia sahaja)	Tidak Layak	Tidak Layak
4	Staf kontrak Geran Penyelidikan/ Projek (<i>contract for service</i>)	Layak (Secara tuntutan bayaran balik tertakluk kelulusan PTj)	Tidak Layak
5	Felo DiRaja	Tidak Layak	Tidak Layak
6	Ahli Lembaga Pengarah Universiti	Layak	Tidak Layak
7	Profesor Ulung	Layak	Layak
8	Profesor Adjung	Layak	Tidak layak
9	Tutor*	Layak	Layak
10	Profesor Ikhtisas* (<i>contract of service</i>)	Layak	Layak
11	Penyandang Kursi Kurniaan*	Layak	Layak
12	Pensyarah Pelawat (Profesor/Profesor Madya/Dr)*	Layak (Secara tuntutan bayaran balik, tertakluk kelulusan PTj)	Tidak layak
13	Profesor Emeritus	Tidak layak	Tidak layak
14	Profesor Kehormat*	Tidak layak	Tidak layak
15	Sarjana Tamu* Karyawan Tamu* Felo Tamu*	Tidak layak	Tidak layak

16	Gig Akademik	Tidak layak	Tidak layak
17	Penyelidik Pasca Doktorat*	Tidak layak (Rujuk lantikan PTj)	Tidak layak
18	Personal MyStep	Tidak layak	Tidak layak

*Tertakluk kepada surat tawaran pelantikan.

5.1.2 Jenis Rawatan

Rawatan Yang Ditanggung	Rawatan Yang Tidak Ditanggung
Rawatan Pesakit Luar (<i>outpatient</i>)	Rawatan Pakar dan Penyakit Kronik: ● Rawatan kepakaran, pembedahan, dan pembekalan ubat-ubatan pakar (<i>specialist medication</i>). ● Ubat-ubatan penyakit kronik (sakit jantung, diabetes, darah tinggi). ● Rawatan fisioterapi. <i>*Staf boleh mendapatkan rawatan dan bekalan ubat ini melalui Hospital Pengajar UKM (HCTM/ HTABTAR HPKK), Pusat Kesihatan Universiti atau Klinik Kesihatan Kerajaan</i>
Rawatan Susulan Ibu Mengandung: <i>(Pre-natal/ Ante-natal):</i> ● Pemeriksaan darah. ● Pemeriksaan air kencing. ● Pemeriksaan fizikal. ● <i>Ultrasound 2D</i>. ● Ubat-ubatan berkaitan.	Kesihatan Wanita: ● Rawatan bersalin dan kesuburan. ● Alat atau pil perancang keluarga serta ubat kawalan kitaran haid. ● Ujian <i>Pap Smear</i>.

Pemeriksaan Kesihatan (<i>medical check-up</i>) termasuk X-ray untuk staf sahaja dan terhad bagi tujuan: ● Lapor diri jawatan baru. ● Menghadiri kursus/ latihan dengan kelulusan Universiti. ● Penyambungan kontrak perkhidmatan. ● Keperluan perkhidmatan atas arahan Ketua Jabatan. ● Melanjutkan pelajaran di dalam atau di luar negara dengan kelulusan Universiti (Tuntutan bayaran balik melalui Bahagian BakatUKM sahaja).	Suplemen dan Estetik: ● Sebarang jenis vitamin, mineral, dan diet tambahan (susu, pil kecantikan, steroid). ● Rawatan kosmetik dan perkhidmatan berkhidmatan.
Vaksin Imunisasi Wajib Bagi Bayi Berumur 0-2 Tahun: ● Dua (2) dos suntikan 'Hepatitis B'. ● Empat (4) dos suntikan 'Oral Polio'. ● Empat (4) dos suntikan 'Difteria Pertussis Tetanus' (DPT). ● Tiga (3) dos suntikan 'Hemophilus Influenza Type B' (HIB). ● Satu (1) dos suntikan 'Measles, Mumps, Rubella' (MMR). <i>*Tertakluk kepada senarai vaksin wajib Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).</i>	Vaksin Imunisasi ● Imunisasi dewasa (Influenza, HPV, Hepatitis); ● Imunisasi Haji dan Umrah <i>*Tertakluk kepada senarai vaksin Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)</i>

	Lain-lain ● Rawatan kesihatan mental (<i>Depression/ Anxiety</i>). ● Rawatan alternatif (akupunktur, urutan tradisional, homeopati, tabib, rawatan Islam). ● Sebarang rawatan di rumah (<i>house call</i>). ● Rawatan am di klinik pakar/ hospital pakar. ● Lain - lain rawatan tertakluk kepada perubahan semasa.
--	--

5.1.3 Had Kelayakan

- Had kelayakan rawatan klinik bagi staf dan setiap tanggungan yang layak adalah **RM600.00/individu** setahun.
- Jumlah sesi rawatan klinik adalah tiada had namun staf hendaklah memastikan kos rawatan tersebut adalah tidak melebihi had kelayakan tahunan.
- Jika caj rawatan telah melebihi had kelayakan tahunan, lebihan kadar caj tersebut adalah ditanggung oleh staf sendiri. Pihak Universiti tidak bertanggungjawab dengan lebihan caj yang dikenakan.

5.1.4 Fasiliti Klinik UKM

Selain daripada fasiliti Klinik Panel berdaftar, staf dan tanggungan digalakkan mendapat rawatan di fasiliti klinik UKM mengikut waktu operasi yang telah ditetapkan seperti di lokasi berikut:

- | | |
|---|--|
| <p>a) Pusat Kesihatan Universiti
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 43600 UKM Bangi,
 Selangor
 Tel: 03 - 8921 4510/ 4555/ 5087
 Emel: pkesihatan@ukm.edu.my</p> | <p>b) Poliklinik Warga
 Tingkat 1, Blok Klinikal,
 Hospital Canselor Tuanku
 Muhriz, Jalan Yaacob Latif,
 Bandar Tun Razak, 56000
 Cheras Kuala Lumpur
 Tel: 03 – 9145 4854</p> |
|---|--|

5.2 KEMUDAHAN TUNTUTAN ALAT BANTUAN OPTIK

Alat Bantuan Optik merujuk kepada cermin mata atau kanta sentuh untuk tujuan pembetulan ralat refraksi yang signifikan (rabun dekat, rabun jauh dan/ atau silau) untuk meningkatkan keupayaan penglihatan seseorang; dan

Tuntutan Alat Bantuan Optik boleh dibuat untuk preskripsi alat bantu penglihatan bagi tujuan pembetulan ralat refraksi yang signifikan atau kurang keupayaan penglihatan yang disebabkan oleh faktor umur, masalah kesihatan mata atau punca lain melalui pemeriksaan oleh Pegawai Optometri berdaftar penuh dan berstatus aktif dengan Majlis Optik Malaysia.

5.2.1 Kelayakan

- a. Staf yang berstatus tetap, sementara atau kontrak (*contract of service*);
- b. Tanggungan adalah **TIDAK LAYAK** bagi membuat tuntutan ini;

Bil.	Status Lantikan	Kelayakan
1	Staf yang dilantik secara tetap/ sementara/ kontrak (<i>contract of service</i>)	Layak
2	Staf Cuti Belajar/ Sabatikal/ Pasca Doktorat	Layak
3	Profesor Ulung	Layak
4	Profesor Adjung	Tidak Layak
5	Profesor Ikhtisas (<i>contract of service</i>)	Layak
6	Tutor*	Tidak Layak
7	Staf dipinjamkan ke agensi luar atau staf pinjaman dari agensi luar (warganegara Malaysia sahaja)	Tidak Layak
8	Staf Kontrak Geran Penyelidikan/ Projek (<i>contract for service</i>)	Tidak Layak
9	Felo DiRaja	Tidak Layak
10	Ahli Lembaga Pengarah Universiti	Tidak Layak
11	Penyandang Kursi Kurniaan	Tidak Layak
12	Pensyarah Pelawat	Tidak Layak

	(Profesor/ Profesor Madya/ Dr)	
13	Profesor Emeritus	Tidak Layak
14	Profesor Kehormat	Tidak Layak
15	Sarjana Tamu/ Karyawan Tamu/ Felo Tamu	Tidak Layak
16	Gig Akademik	Tidak Layak
17	Penyelidik Pasca Doktorat	Tidak Layak
18	Personel MyStep	Tidak Layak

**Tertakluk kepada surat tawaran pelantikan.*

5.2.2 Jenis Pembelian

Pembelian Yang Dibenarkan	Pembelian Yang Tidak Dibenarkan
● Cermin mata untuk pembetulan ralat refraksi signifikan. ● Kanta lekap untuk pembetulan ralat refraksi signifikan. ● Alat bantu penglihatan optikal khas atau kanta sentuh khas untuk meningkatkan keupayaan penglihatan.	● Cermin mata hitam (<i>sunglasses</i>). ● Alatan aksesori cermin mata. ● Kanta lekap untuk tujuan kosmetik iaitu tiada preskripsi ralat refraksi.

5.2.3 Had Kelayakan

- Kadar ditetapkan adalah **RM300.00 untuk setiap dua (2) tahun**. Baki kadar perlu dihabiskan pada tahun kalendar tersebut. Jika kos bagi alat bantuan optik adalah melebihi kadar yang ditetapkan, kos tersebut adalah ditanggung oleh staf itu sendiri. Pihak Universiti tidak bertanggungjawab dengan lebih caj yang dikenakan. Sekiranya tiada sebarang tuntutan dibuat dalam tempoh sah laku tuntutan, atau terdapat baki yang tidak habis digunakan bagi tahun kalendar tersebut, maka baki untuk tahun tersebut akan dikira luput dan tidak boleh dibawa ke tahun hadapan;
- Staf wajib mendapatkan laporan pemeriksaan mata oleh Optometris yang berdaftar penuh dengan Majlis Optik Malaysia di fasiliti panel tersebut.

5.2.4 Khidmat Nasihat Kesihatan Mata

Senarai klinik yang boleh memberi khidmat nasihat kesihatan mata dan alat bantuan optik adalah seperti berikut:

a) Klinik Optometri UKM

Fakulti Sains Kesihatan (FSK)
Jalan Raja Muda Abdul Aziz
50300 Kuala Lumpur
Tel: +603 - 9289 7499/ 7600
E-mel: klinikoptometri@ukm.edu.my

b) Klinik Oftalmologi HCTM

Tingkat 1, Blok Klinikal,
Hospital Canselor Tuanku Muhriz
(HCTM), Jalan Yaacob Latif,
Bandar Tun Razak, 56000 Cheras,
Kuala Lumpur
Tel: + 603-9145 7181

5.3 KEMUDAHAN RAWATAN PERGIGIAN

5.3.1 Kelayakan

a. Kelayakan staf dan tanggungan adalah seperti berikut:

Bil.	Status Lantikan	Kelayakan	
		Diri Sendiri	Tanggungan
1	Staf yang dilantik secara tetap/ sementara/ kontrak (<i>contract of service</i>)	Layak	Layak
2	Staf Cuti Belajar/ Sabatikal/ Pasca Doktorat	Layak	Layak
3	Staf Kontrak Geran Penyelidikan/ Projek (<i>contract for service</i>)	Tidak Layak	Tidak Layak
4	Profesor Ulung	Layak	Layak
5	Profesor Ikhtisas (<i>contract of service</i>)	Layak	Layak
6	Staf dipinjamkan ke agensi luar atau staf pinjaman dari agensi luar (warganegara Malaysia sahaja)	Tidak Layak	Tidak Layak
7	Felo DiRaja	Tidak Layak	Tidak Layak
8	Ahli Lembaga Pengarah Universiti	Tidak Layak	Tidak Layak
9	Profesor Adjung	Tidak Layak	Tidak Layak

10	Tutor*	Layak	Layak
11	Penyandang Kursi Kurniaan	Tidak Layak	Tidak Layak
12	Pensyarah Pelawat (Profesor/ Profesor Madya/ Dr)	Tidak Layak	Tidak Layak
13	Profesor Emeritus	Tidak Layak	Tidak Layak
14	Profesor Kehormat	Tidak Layak	Tidak Layak
15	Sarjana Tamu/ Karyawan Tamu/ Felo Tamu	Tidak Layak	Tidak Layak
16	Gig Akademik	Tidak Layak	Tidak Layak
17	Penyelidik Pasca Doktorat	Tidak Layak	Tidak Layak
18	Personel MyStep	Tidak Layak	Tidak Layak

**Tertakluk kepada surat tawaran pelantikan.*

5.3.2 Jenis Rawatan

Rawatan Yang Ditanggung	Rawatan Yang Tidak Ditanggung
Rawatan Jenis Bukan Kosmetik Rawatan yang dibuat di Klinik Pergigian Kerajaan/ Klinik Pergigian Swasta/ Pusat Kesihatan Universiti dan Fakulti Pergigian meliputi: a) Pemeriksaan dan Diagnosis b) Ubat-ubatan c) Rawatan Abses (Bengkak Gusi) d) Cabutan Gigi e) Tampalan Gigi f) Penskaleran (Cuci Gigi) g) Endodontik (Mematikan Saraf Gigi) h) Pembedahan Kecil Mulut (Minor Oral Surgery) i) X-ray	Rawatan Jenis Kosmetik Rawatan yang tidak ditanggung merangkumi: a) <i>Crown</i> b) <i>Inlay/Onlay</i> c) <i>Implant</i> d) <i>Bridge</i> e) Orthodontik f) Rawatan Kosmetik Gigi

5.3.3 Had Caj Rawatan

- a. Klinik Pergigian hanya dibenarkan memberi rawatan yang bukan kosmetik pada kadar **RM250.00** setahun bagi seorang staf termasuk tanggungan serta **RM500.00** bagi pasangan suami isteri berkhidmat di UKM termasuk tanggungan.
- b. Jika caj rawatan adalah melebihi kadar yang ditetapkan, lebihan caj tersebut adalah ditanggung oleh staf itu sendiri. Pihak Universiti tidak bertanggungjawab dengan lebihan caj yang dikenakan.

5.3.4 Khidmat Nasihat dan Rawatan Pergigian di Fasiliti UKM

Klinik yang boleh memberi khidmat nasihat dan rawatan pergigian adalah seperti berikut:

- | | |
|---|--|
| a) Pusat Kesihatan Universiti
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi,
Selangor | b) Klinik Rawatan Utama
Fakulti Pergigian,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
Jalan Raja Muda Abdul Aziz,
50300 Kuala Lumpur |
|---|--|

5.4 KEMUDAHAN PEMBELIAN UBAT AM DI FARMASI

5.4.1 Kelayakan

- a. Staf yang berstatus tetap, sementara, kontrak (*contract of service*);
- b. Tanggungan adalah **TIDAK LAYAK** bagi membuat tuntutan ini.

Bil.	Status Lantikan	Kelayakan
1	Staf yang dilantik secara tetap, sementara, kontrak (<i>contract of service</i>)	Layak
2	Staf Cuti Belajar/ Sabatikal/ Pasca Doktorat	Layak
3	Profesor Ulung	Layak
4	Profesor Ikhtisas (<i>contract of service</i>)	Layak

5	Staf dipinjamkan ke agensi luar atau staf pinjaman agensi luar (warganegara Malaysia sahaja)	Tidak Layak
6	Staf Kontrak Geran Penyelidikan/ Projek (<i>contract for service</i>)	Tidak Layak
7	Felo DiRaja	Tidak Layak
8	Ahli Lembaga Pengarah Universiti	Tidak Layak
9	Profesor Adjung	Tidak Layak
10	Tutor*	Layak
11	Penyandang Kursi Kurniaan	Tidak Layak
12	Pensyarah Pelawat (Profesor/ Profesor Madya /Dr)	Tidak Layak
13	Profesor Emeritus	Tidak Layak
14	Profesor Kehormat	Tidak Layak
15	Sarjana Tamu/ Karyawan Tamu/ Felo Tamu	Tidak Layak
16	Gig Akademik	Tidak Layak
17	Penyelidik Pasca Doktorat	Tidak Layak
18	Personel MyStep	Tidak Layak

*Tertakluk kepada surat tawaran pelantikan.

5.4.2 Jenis Pembelian

Pembelian Ubat Yang Ditanggung	Pembelian Ubat Yang Tidak Ditanggung
Ubat Am (<i>Over-The-Counter</i>) a. Ubat Tahan Sakit dan Demam (Analgesik dan Antipiretik) Untuk sakit kepala dan demam.	Ubat Kategori Racun Berjadual (Tanpa Preskripsi) - Ubat Penyakit Kronik: Ubat darah tinggi, kencing manis, dan kolesterol. - Ubat Steroid Kuat: Tablet steroid seperti <i>Prednisolone</i> atau <i>Dexamethasone</i>.

• Untuk mengurangkan bengkak atau sakit otot yang lebih kuat. b. Ubat Batuk dan Selsema: • Untuk selesema dan gatal-gatal. • Untuk melegakan hidung tersumbat. • Untuk mencairkan kahak atau mengurangkan batuk kering. c. Ubat Masalah Penghadaman: • Untuk sakit gastrik, pedih ulu hati, atau kembung perut. • Untuk merawat cirit-birit. • Garam hidrasi untuk menggantikan air dalam badan. d. Rawatan Kulit dan Luka (Topikal): • Untuk luka kecil. • Untuk kurap atau jangkitan kulat air pada kaki. • Untuk kegatalan kulit atau ekzema ringan. e. Ubat Tekak dan Mulut • Untuk sakit tekak. • Ubat Kumur Antiseptik. f. Ubat Antibiotik • Dengan preskripsi doktor sahaja.	Ubat Kawalan Ketat (Psikotropik dan Narkotik) • Ubat Penenang dan Ubat Tidur: hanya boleh didapati di hospital. • Ubat Tahan Sakit Dos Tinggi: Hanya untuk pesakit kanser atau kecederaan kritikal dengan permit khas. Ubat Yang Tidak Berdaftar (Tanpa No. MAL) Sebarang barangan kosmetik, vitamin, mineral dan diet tambahan: • Vitamin. • Bekalan Susu. • Pil Kecantikan. • Barangan Kosmetik. • Suplemen. • Ubat Tradisional.
---	--

5.4.3 Kadar Pembelian Ubat

Kadar **RM160.00 setahun** bagi staf sahaja dalam tempoh tahun kalendar. Pihak Universiti tidak bertanggungjawab dengan caj lebih kadar yang dikenakan. Farmasi yang dilantik hendaklah menuntut lebih caj ini daripada staf itu sendiri. Setiap staf hanya dibenarkan untuk membuat pembelian di farmasi yang berdaftar sahaja.

6.0 PROSEDUR PELAKSANAAN PENGGUNAAN KEMUDAHAN PERUBATAN PESAKIT LUAR

Universiti telah melantik Pentadbir Pihak Ketiga (TPA) bagi pengurusan kemudahan perubatan pesakit luar bermula pada 1 Julai 2026. Sebarang perubahan tempoh pelaksanaan akan dimaklumkan daripada semasa ke semasa. Sehubungan dengan itu, staf hendaklah mematuhi prosedur pelaksanaan berikut:

6.1 Pendaftaran dan Pengesahan

- a. Staf dan tanggungan hanya boleh mendapat faedah kemudahan setelah didaftarkan di dalam Sistem ProfilStaf UKM mengikut kelayakan yang telah ditetapkan oleh Universiti.
- b. Setiap permohonan perlu disertakan dengan dokumen sokongan seperti sijil kelahiran/ sijil nikah/ surat pengesahan belajar atau lain-lain dokumen berkaitan dan muat naik (upload) dokumen ke dalam sistem tersebut.
- c. Staf perlu memuat turun aplikasi mudah alih TPA.
- d. Pengesahan kelayakan di fasiliti panel boleh dibuat menggunakan kad fizikal TPA atau melalui aplikasi mudah alih (e-Card).

6.2 Penggunaan Fasiliti Panel

- a. Semua staf hendaklah mendapatkan rawatan dan pembelian alat bantuan optik serta ubat am di farmasi melalui semua rangkaian fasiliti panel yang telah berdaftar dengan TPA.
- b. Sekiranya staf mendapatkan rawatan dan pembelian alat bantuan optik serta ubat am di farmasi melalui fasiliti bukan panel berdaftar dengan TPA, staf boleh membuat tuntutan bayaran balik melalui aplikasi TPA.
- c. Bagi klinik berikut, staf perlu membayar terlebih dahulu dan membuat tuntutan bayaran balik manakala caj bayaran akan ditolak dari had kelayakan tahunan:
 - i. Klinik Rawatan Utama, Fakulti Pergigian UKM
 - ii. Klinik Optometri UKM, Fakulti Sains Kesihatan UKM
 - iii. Klinik Oftalmologi, Hospital Canselor Tuanku Muhriz

6.3 Had Kadar Kelayakan dan Lebihan Caj

- a. Staf perlu memantau baki had kadar kelayakan tahunan bagi setiap kemudahan melalui aplikasi TPA.
- b. Sekiranya caj rawatan atau pembelian melebihi kadar yang ditetapkan, staf bertanggungjawab untuk menjelaskan baki perbezaan tersebut secara terus kepada pihak fasiliti panel kemudahan.

7.0 TUNTUTAN BAYARAN BALIK

7.1 Kriteria Kelayakan Tuntutan

Sebarang tuntutan bayaran balik tanpa melalui aplikasi TPA hanya boleh dituntut secara *pay and claim* bagi kategori seperti berikut:

Bil.	Status Lantikan	Kelayakan
1	Staf Kontrak Geran Penyelidikan/ Projek (<i>contract for service</i>)	Semua tuntutan adalah tertakluk kepada kelulusan Ketua PTj/ Ketua Geran/ Ketua Projek mengikut kadar berikut: ● Rawatan klinik RM60.00/ rawatan/ staf sahaja. ● Pergigian RM250.00/ setahun/ staf sahaja.
2	Pensyarah Pelawat (Profesor/ Profesor Madya/ Dr)	Semua tuntutan adalah tertakluk kepada kelulusan Ketua PTj/ Ketua Geran/ Ketua Projek mengikut kadar berikut: ● Rawatan klinik RM60.00/ rawatan/ staf sahaja. ● Keutamaan mendapatkan rawatan di PKU/ HCTM/ HTABTAR HPPK terlebih dahulu
3	Pemeriksaan Kesihatan bagi Lapor Diri Jawatan Baru	Terhad kepada RM60.00 (Tuntutan boleh diisi selepas selesai melapor diri).
4	Kemudahan/ rawatan di fasiliti panel yang tidak berdaftar	Kemudahan/ rawatan di luar kawasan yang tidak mempunyai fasiliti panel berdaftar dengan TPA adalah dibenarkan sekiranya: ● staf berada pada jarak lebih 20 kilometer dari fasiliti panel berdaftar. ● fasiliti panel berdaftar tutup atau di luar waktu operasi semasa staf dan tanggungan ingin mendapatkan rawatan.

7.2 Tatacara Permohonan Tuntutan Bayaran Balik Melalui Sistem e-Tuntutan

Staf yang memenuhi kriteria di atas mestilah mematuhi prosedur tuntutan seperti berikut:

- 7.2.1 **Staf kontrak geran penyelidikan/ projek (*contract for service*)** perlu mengisi permohonan secara dalam talian melalui Sistem eTuntutan.
- 7.2.2 Permohonan wajib dilampirkan resit rawatan asal yang mengandungi perincian mengenai caj yang dikenakan. Invois tanpa bukti bayaran adalah tidak diterima.
- 7.2.3 Resit yang dikemukakan mestilah tidak melebihi tempoh enam (6) bulan bagi tahun semasa. Walau bagaimanapun bagi tuntutan yang dibuat pada akhir tahun Disember boleh diperakukan untuk kelulusan sehingga bulan Januari tahun berikutnya.
- 7.2.4 Staf kontrak geran penyelidikan/ projek tidak tertakluk kepada penggunaan fasiliti panel TPA sahaja. Staf bebas mendapatkan rawatan di mana-mana premis mengikut kelayakan yang telah ditetapkan namun tertakluk kepada kelulusan PTj.

7.3 Tatacara Permohonan Tuntutan Bayaran Balik Melalui Aplikasi TPA

Staf yang memenuhi kriteria di atas mestilah mematuhi prosedur tuntutan seperti berikut:

- 7.3.1 **Staf yang dilantik secara tetap, sementara, kontrak (*contract of service*)** hendaklah mengisi permohonan secara dalam talian melalui aplikasi TPA.
- 7.3.2 Permohonan wajib dilampirkan resit rawatan asal yang mengandungi perincian mengenai caj yang dikenakan.
- 7.3.3 Resit yang dikemukakan mestilah tidak melebihi tempoh enam (6) bulan bagi tahun semasa. Walau bagaimanapun bagi tuntutan yang dibuat pada akhir tahun Disember boleh diperakukan untuk kelulusan sehingga bulan Januari tahun berikutnya.

7.4 Had Kadar Kelayakan Tuntutan

- 7.4.1 Pihak Universiti tidak bertanggungjawab ke atas sebarang caj yang melebihi kadar kelayakan tahunan yang telah ditetapkan bagi setiap kemudahan. Sebarang tuntutan yang tidak memenuhi kriteria yang dinyatakan dalam Perkara 7.1 tidak akan dipertimbangkan bagi tuntutan bayaran balik.
- 7.4.2 Staf perlu memantau baki had kadar kelayakan tahunan bagi setiap kemudahan. Sekiranya caj rawatan atau pembelian melebihi kadar yang ditetapkan, staf bertanggungjawab untuk menjelaskan baki perbezaan tersebut secara terus kepada pihak fasiliti panel kemudahan.

8.0 PENAFIAN

Universiti berhak mengambil tindakan tatatertib atau menuntut semula bayaran sekiranya mendapati staf melakukan tuntutan palsu atau pemalsuan dokumen atau membenarkan individu lain yang tidak layak menggunakan identiti staf untuk mendapatkan kemudahan/ rawatan.

9.0 PENGUATKUASAAN

Polisi ini berkuat kuasa mulai tarikh kelulusan MPU.

Disediakan oleh :

Bahagian Pentadbiran dan Kemudahan
Jabatan Pendaftar
Universiti Kebangsaan Malaysia
Tarikh : 19 Mei 2026

Rujukan

1. Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia Kemudahan Perubatan Versi 1.0 (2024)
2. Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1/2024: Sistem Saraan Perkhidmatan Awam
3. Pekeliling Pendaftar Bil.20/2013: Kenaikan Kadar Tuntutan Rawatan Pergigian dan Penyerahan Urusan Tuntutan ke Pusat Tanggungjawab
4. Perintah-perintah Am Bab F Perubatan Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia 1974